

22 APR 2002

MCA-Ong/I

SAYA TIDAK BANTAH PELAN DAMAI, KATA ANGGOTA KUMPULAN A

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Naib Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini menafikan spekulasi bahawa beliau membantah "Agenda Damai dan Kestabilan" tajaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menangani krisis yang sedang dihadapi parti itu.

"Ia adalah mustahil, dari hari pertama lagi...saya tidak pernah membuat kenyataan negatif mengenai sesiapa pun. Saya menyokong semua usaha konstruktif," katanya kepada Bernama di Wisma MCA di sini selepas menghadiri sidang media oleh Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Ong, yang berada dalam Kumpulan A bersama-sama dengan Dr Ling, berkata sejak beberapa hari lepas, beberapa orang telah menyebarkan khabar angin dan pembohongan mengenai dirinya kononnya beliau tidak menerima dan membantah pelan damai Perdana Menteri itu.

"Semua anggota kenal siapa saya sebenarnya. Mereka tahu, saya sentiasa mengekalkan perpaduan parti, sejak dari Mesyuarat Agung Luarbiasa (EGM) Nanyang. Pendirian saya tidak pernah berubah," katanya.

Ong, yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, berkata beliau tidak pernah mempunyai sebarang perselisihan pendapat dengan Dr Ling semasa proses rundingan mengenai Agenda Damai dan Kestabilan itu.

"Saya menyokong sepenuhnya pelan itu. Saya bekerja tanpa ragu-ragu dengan Dr Ling untuk menjayakan pelan ini. Saya perlu memberikan penjelasan bahawa terdapat orang yang menyebarkan pembohongan ini. Hentikannya," katanya.

Bagaimanapun, Ong enggan menamakan mereka berkenaan.

Beberapa hari lepas, tersebar khabar angin bahawa Ong, seorang daripada tiga anggota MCA, yang membantah pelan itu dan tidak menggalakkan Dr Ling menandatangani.

Dua lagi difahamkan ialah Ketua Wanita MCA Datuk Dr Ng Yen Yen dan Ketua Pentadbiran dan anggota Jawatankuasa Pusat MCA Datuk Wong See Wah.

-- BERNAMA

AT DC RHM